

27 JAN 1998

Agong-perutusan

AGONG HARAP TAHUN BARU CINA ERATKAN PERPADUAN KAUM

KUALA LUMPUR, 27 Jan (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Najihah berharap sambutan Tahun Baru Cina esok dapat meningkatkan perpaduan di antara pelbagai bangsa di negara ini memandangkan Hari Raya Aidilfitri akan turut disambut beberapa hari kemudian.

Sambil mengucapkan selamat Tahun Baru kepada kaum Cina, baginda mengingatkan perpaduan perlu ditingkatkan kerana ia tunggak kepada ketahanan negara terutama sekali dalam keadaan kegawatan ekonomi yang sedang dialami negara.

Sambutan kedua-dua perayaan itu adalah masa yang terbaik bagi usaha meningkatkan perpaduan rakyat negara ini, titah baginda dalam perutusan Tahun Baru Cinanya.

Baginda juga menyeru rakyat supaya sentiasa mengamalkan sikap toleransi dan bersabar semasa kedudukan ekonomi negara yang kurang memberangsangkan ini.

"Mereka juga harus bekerjasama dan menyokong langkah-langkah kerajaan untuk memulihkan keadaan ini," titah baginda.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dalam perutusan Tahun Baru Cina pula berkata kerajaan mempunyai cara, yang akan memulihkan ekonomi negara, tetapi ia memerlukan sedikit masa dan kerjasama yang rapat daripada rakyat, terutamanya daripada masyarakat peniaga.

"Jika kita tidak membuat apa-apa yang boleh merugikan negara, pemulihan ekonomi akan tercapai dalam masa yang singkat," katanya dan menambah apabila ekonomi pulih semua pihak akan mendapat faedah daripadanya.

Beliau yakin dengan kerjasama dan sokongan penuh rakyat kepada kerajaan serta kesetiaan yang tidak berbelah bahagi kepada negara, semua pihak akan dapat mengatasi kegawatan ekonomi ini.

Walaupun, negara sedang menghadapi masalah ekonomi, Dr Mahathir berharap masyarakat Cina tetap dapat menyambut perayaan ini dengan penuh aman dan penuh gembira.

"Sambutan kali ini mungkin tidak semeriah tahun-tahun lalu, tetapi suasana dan semangat menyambut perayaan itu tetap wujud," katanya dan beliau yakin rakyat akan berbelanja dengan bijak semasa hari perayaan supaya peniaga-peniaga tidak akan menghadapi masalah jualan terlalu berkurangan, sementara perayaan kita tidak terlalu terkongkong.

Beliau berkata sempena perayaan Tahun Baru Cina ini, rakyat Malaysia yang terkenal dengan semangat toleransi yang tinggi, hendaklah meneruskan tradisi kunjung mengunjung ke rumah rakan-rakan mereka yang mengadakan rumah-rumah terbuka.

Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik pula mengingatkan rakyat supaya membeli barangan tempatan, melancong dalam negeri, belajar di institusi pengajian tinggi tempatan dan menabung dalam bank tempatan.

Budaya jimat cermat perlu dipupuk semula di kalangan rakyat dan menjadikannya cara hidup terutamanya dalam musim perayaan ini supaya tidak membazir, dan menabung lebih banyak untuk keperluan masa depan, katanya.

Dr Ling berkata mengikut kepercayaan kaum Cina, tahun ini adalah tahun harimau yang melambangkan kekuatan, kegagahan dan dinamik. Diharapkan unsur-unsur ini dimiliki semua rakyat supaya mereka dapat berganding bahu untuk memulihkan ekonomi negara dalam jangka masa yang singkat.

Katanya, kekuatan dan asas ekonomi negara memang dipuji dunia dan

dengan keyakinan ini, bagaimanapun negara dijangka akan mencapai pertumbuhan ekonomi yang sederhana tahun ini.

"Kerajaan telah mengambil langkah-langkah ketat untuk memulihkan ekonomi negara dan kini kita telah mula nampak kesan-kesan positif, tetapi rakyat tidak harus lega dalam keadaan yang begini dan mereka perlu terus berusaha memperkukuhkan kedudukan ekonomi negara," katanya.

Beliau berharap rakyat memberi sokongan kuat kepada kerajaan untuk menangani masalah ekonomi serta elakkan daripada mengambil tindakan yang boleh menjejaskan ekonomi negara, kerana ia akan merugikan semua pihak.

Presiden MIC, Datuk Seri S.Samy Vellu dalam perutusan Selamat Hari Raya Puasa dan Tahun Baru Cina menyuarakan rakyat Malaysia bekerja lebih keras untuk mengekalkan perpaduan.

Samy Vellu, yang juga Menteri Kerja Raya berkata mereka tidak seharusnya terlalu bimbang berikutan kemelut ekonomi yang dihadapi negara sekarang, tetapi mereka harus terus mengadakan "rumah terbuka" untuk mengukuhkan perpaduan kaum.

"Perpaduan adalah penting bagi kestabilan negara. Kita tidak seharusnya membiarkan kuasa luar memusnahkan perpaduan yang telah kita bina. Perpaduan seharusnya terus kukuh bagi 1,000 tahun lagi atau lebih," katanya.

Beliau mengingatkan rakyat supaya berbelanja dengan bijak dan menyimpan wang mereka di institusi kewangan tempatan, bagi membantu negara pulih dari kemelut ekonomi yang dialami sekarang.

"Kita mesti menunjukkan rasa tanggungjawab kita, kesetiaan dan iltizam untuk melakukan pengorbanan," kata beliau sambil mengulangi sokongan MIC terhadap kepimpinan Dr Mahathir dan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dalam menangani masalah ekonomi.

Samy Vellu juga meminta para pemandu yang menggunakan lebuhraya supaya lebih berhati-hati apabila mereka pulang ke kampung semasa musim cuti perayaan berkembar ini.

"Ambillah rihat yang secukupnya sebelum memulakan perjalanan jauh," katanya.

Setiausaha Agung DAP, Lim Kit Siang dalam perutusan Tahun Baru Cinanya meminta rakyat bersatu padu bagi menyelamatkan ekonomi negara dan mempertahankan kebebasan ekonominya.

Pengerusi Pemuda Kabangsaan DAP, Lim Guan Eng berkata rakyat Malaysia tidak seharusnya hilang harapan dalam krisis ekonomi sekarang, tetapi mengambil langkah-langkah bagi memastikan hanya mereka yang tidak terlibat dalam melembabkan ekonomi dibenarkan memulihkan ekonomi negara.

MCA akan mengadakan rumah terbuka di Wisma MCA, di Jalan Ampang antara pukul 9 pagi hingga pukul 12 tengah hari, hari pertama. Parti Gerakan pula akan mengadakan upacara yang sama di ibu pejabat parti itu di Menara PGRM, Jalan Pudu Ulu, mulai pukul 10 pagi hingga pukul 1 petang.--BERNAMA

ARA ES RI